

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH
DI KERTIH, TERENGGANU
2 DISEMBER 2008

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' AHMAD BIN SAID
MENTERI BESAR TERENGGANU

YAB MENTERI BESAR NEGERI-NEGERI KELANTAN, PAHANG DAN JOHOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAN DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIA-NYA KITA BERPELUANG UNTUK SAMA-SAMA MENYAKSIKAN PELANCARAN SEBUAH LAGI PROJEK PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (E.C.E.R.). PADA HARI INI, KITA AKAN MENYAKSIKAN PERASMIAN KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH, ATAU K.P.P..

2. PADA HEMAT SAYA, PELANCARAN K.P.P. PADA HARI INI MERUPAKAN SATU LAGI BUKTI KUKUH BAHAWA WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR SEMEMANGNYA SUDAH BERSEDIA UNTUK MENERIMA PELABUR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. IA JUGA MENANDAKAN KESEDIAAN DAN KEYAKINAN PARA PELABUR KEPADA ASAS-ASAS KUKUH YANG DIMILIKI OLEH WILAYAH YANG AMAT KOMPETITIF DAN BERDAYA SAING INI.

3. KITA SEMEMANGNYA HARUS BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN E.C.E.R. KERANA MAMPU MENARIK PELABUR, WALAUPUN DI MASA DUNIA SEDANG BERGOLAK DILANDA KETIDAK-TENTUAN EKONOMI SEKARANG. KEMAJUAN YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH E.C.E.R. SEMEMANGNYA BERTEPATAN DAN SELARI DENGAN HALA TUJU DAN RANCANGAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KE-3 (I.M.P.3.) YANG BERMATLAMAT MENAMBAH NILAI KEPADA RANTAIAN EKONOMI MELALUI SEKTOR PEMBUATAN TEMPATAN.

4. SAYA MENGHARGAI SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH SEMUA PIHAK, TERUTAMA PETRONAS (SEBAGAI PENDORONG UTAMA KEPADA PELAN MEMBANGUNKAN KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH INI), SERTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU DAN SEMUA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM USAHA MENJADIKAN WILAYAH E.C.E.R. SEBAGAI HAB INDUSTRI PLASTIK BERSEPADU YANG PERTAMA DI MALAYSIA. KEPADA SEMUA, SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

5. KEPENTINGAN E.C.E.R. KEPADA PENDUDUK NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR SEMEMANGNYA AMAT JELAS. SEBAGAI SEBUAH PROGRAM SOSIO-EKONOMI YANG MESRA RAKYAT, E.C.E.R. BERMATLAMAT MENJADIKAN WILAYAH PANTAI TIMUR SEBAGAI SEBUAH WILAYAH MAJU MENJELANG TAHUN 2020.

6. SETAKAT INI, SAYA BERPUAS HATI DENGAN KEMAJUAN YANG MEMBERANGSANGKAN SEPERTI YANG DITUNJUKKAN OLEH MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. DALAM MASA HANYA SETAHUN SEJAK DILANCARKAN PADA BULAN OKTOBER 2007, BANYAK PROJEK YANG TELAH DILANCARKAN SERTA PERKEMBANGAN YANG TELAH DICATATKAN.

7. DARIPADA 105 PROJEK E.C.E.R. YANG DIRANCANG, 77 DARIPADANYA SEDANG DAN AKAN DIMULAKAN PELAKSANAANNYA PADA PERTENGAHAN 2009. SELAIN DARI PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ASAS YANG DIPERLUKAN BAGI MENARIK MINAT PELABUR, PROJEK-PROJEK BERIMPAK TINGGI DALAM SEKTOR PERTANIAN, PEMBUATAN DAN PENDIDIKAN JUGA TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN ATAU DIMULAKAN.

8. BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK TERSEBUT, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 2.6 BILLION RINGGIT YANG TELAH PUN DILULUSKAN DI BAWAH KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN; DAN PROJEK-PROJEK INI DIJANGKA AKAN DITERUSKAN DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH.

9. E.C.E.R. JUGA KOMITED DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN SOSIALNYA BAGI MEMBASMI KEMISKINAN. SEBAGAI CONTOH, PROJEK AGROPOLITAN YANG MELIBATKAN HAMPPIR 9,000 PENDUDUK MISKIN TEGAR DI KAWASAN SELUAS 25,000 HEKTAR TELAH DIMULAKAN. INI SEJAJAR DENGAN OBJEKTIF KERAJAAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN TEGAR MENJELANG 2010.

10. DALAM TEMPOH 12 TAHUN PELAKSANAANNYA DARI TAHUN 2008 SEHINGGA TAHUN 2020, E.C.E.R. DIJANGKA AKAN MENERIMA PELABURAN BERNILAI 112 BILION RINGGIT, YANG MANA SEBAHAGIAN BESARNYA ATAU 47 PERATUS ADALAH DARI PELABUR SWASTA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. SAYA YAKIN NILAI PELABURAN SEBESAR INI TENTUNYA AKAN MEMBERI MANFAAT YANG BERPANJANGAN, KHUSUSNYA KEPADA PENDUDUK DI WILAYAH INI, DAN SELURUH MALAYSIA SECARA AMNYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

11. INDUSTRI MINYAK, GAS DAN PETROKIMIA IALAH SALAH SATU INDUSTRI UTAMA YANG MERUPAKAN PENYUMBANG TERBESAR KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (K.D.N.K.) NEGARA. DI KERTIH PULA, KELOMPOK MINYAK, GAS DAN PETROKIMIA SEMEMANGNYA SUDAH LAMA BERTAPAK DAN BERKEMBANG PESAT, IAITU HASIL DARI PEMBANGUNAN YANG DITERAJUI OLEH PETRONAS BERMULA DARI 35 TAHUN LALU. SEHINGGA KINI, SAYA DIFAHAMKAN SEJUMLAH 70 BILION RINGGIT PELABURAN TELAH DIBUAT OLEH PETRONAS DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMANYA BAGI MEMBANGUNKAN KOMPLEKS INDUSTRI PETROLEUM PETRONAS (P.P.I.C.).

12. SAYA DIFAHAMKAN, KOMPLEKS PETROKIMIA BERSEPADU KERTIH (K.I.P.C.) YANG TERLETAK DI DALAM PPIC, MENAWARKAN KEPADA PELABUR KEUPAYAAN MEWUJUDKAN APLIKASI PRODUK DI PERINGKAT HILIRAN, KHUSUSNYA PRODUK BERASASKAN PLASTIK DAN POLIMER. SAYA JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA SECARA KESELURUHAN INDUSTRI INI TERUS MENCATATKAN PENINGKATAN YANG MEMBERANGSANGKAN SAMA ADA DARI JUMLAH PELABURAN MAHUPUN JUMLAH JUALAN.

13. BERDASARKAN RASIONAL INILAH E.C.E.R. TELAH MEWUJUDKAN SEBUAH KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK BERSEPADU SEPENUHNYA YANG PERTAMA DI MALAYSIA, IAITU KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH. DAYA TARIKAN K.P.P. KEPADA PELABUR INDUSTRI PLASTIK IALAH PENDEKATAN BERSEPADUNYA, SAMBIL DIDORONG OLEH LOKASI YANG DEKAT DENGAN SUMBER BAHAN MENTAH POLIMER DI K.I.P.C. YANG MAMPU MEMBEKALKAN STOK SECARA "JUST-IN-TIME". INI MAMPU MENGURANGKAN PELBAGAI KOS YANG BERKAITAN SEPERTI KOS PENGHANTARAN DAN PENYIMPANAN.

14. JUSTERU ITU, USAHA AKAN DIPERTINGKATKAN BAGI MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN K.P.P., TERUTAMANYA DALAM MENJALANKAN KERJA-KERJA ASAS DAN PRASARANA BAGI KEMUDAHAN PARA PELABUR. DI SAMPING PELBAGAI KEMUDAHAN DAN SOKONGAN YANG TELAH DIBERIKAN, PIHAK KERAJAAN JUGA TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI PAKEJ INSENTIF BAGI BAKAL PELABUR. NAMUN, PROJEK-PROJEK YANG BAKAL MENIKMATI INSENTIF INI HARUS MENDAPAT KELULUSAN DARI MAJLIS PEMBANGUNAN E.C.E.R. DAN MEMULAKAN OPERASI PERNIAGAAN SEBELUM 31 DISEMBER 2015.

15. DENGAN SOKONGAN SERTA PAKEJ INSENTIF YANG MENARIK INI, K.P.P. DIJANGKA AKAN MAMPU MENARIK PELABURAN SWASTA BERNILAI SEHINGGA 2 BILLION RINGGIT SAMBIL MEWUJUDKAN LEBIH 7,000 PELUANG PEKERJAAN BAGI PENDUDUK TEMPATAN. K.P.P. JUGA DILIHAT MAMPU MERANGSANG PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN DAN INDUSTRI YANG BERKAITAN SEPERTI PEMBUNGKUSAN, PERALATAN PERUBATAN, BAHAN BINAAN, KOMPOSIT DAN AUTOMOTIF, SAMBIL MENGGALAK PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA TEMPATAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

16. SUKACITA SAYA MAKLUMKAN BAHAWA K.P.P. KINI SUDAH MEMPUNYAI 5 PELABUR YANG BERMINAT, YANG MANA 2 TELAH MEMETERAI KOMITMEN MEREKA DENGAN MULA MEMBINA KILANG DI KAWASAN K.P.P. INI. 2 BUAH LAGI SYARIKAT TELAH MENEMPAH LOT TANAH UNTUK MENDIRIKAN KILANG MANAKALA SEBUAH SYARIKAT DARI LUAR NEGARA TELAH MENUNJUKKAN MINAT YANG AMAT TINGGI UNTUK BERTAPAK DI KAWASAN K.P.P. INI.

17. KOMITMEN YANG DITUNJUKKAN OLEH PELABUR-PELABUR INI DILIHAT SEBAGAI AMAT BERMAKNA MEMANDANGKAN KETIDAK-TENTUAN PASARAN YANG SEDANG MELANDA DUNIA HARI INI. KEPADA KEEMPAT-EMPAT SYARIKAT INI SAYA UCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH.

18. SAYA BERBANGGA KERANA HARI INI, KITA AKAN MENYAKSIKAN PENYERAHAN SIJIL PENGIKHTIRAFAN PELABUR ECER KEPADA HI ESSENCE SDN. BHD., IAITU SALAH SATU DARIPADA DUA SYARIKAT YANG TELAH MULA MENDIRIKAN KILANG MEREKA. SAYA JUGA TELAH DIFAHAMKAN BAHAWA SYARIKAT HI ESSENCE TELAH BERJAYA MENJALIN KERJASAMA DENGAN HUA ENG WIRE &

CABLE COMPANY, SEBUAH SYARIKAT LUAR NEGARA DARI TAIWAN, DALAM BIDANG PEMBANGUNAN PRODUK WAYAR DAN KABEL.

19. SELAIN ITU, KOMITMEN YANG DITUNJUKKAN OLEH BEBERAPA LAGI SYARIKAT PLASTIK TEMPATAN IAITU LATENFIELD PIPES INDUSTRIES; F.M.D. POLYPIPE INDUSTRY; DAN, YANG PALING SIGNIFIKAN, PETRONAS POLYMER TECHNOLOGY CENTRE, ADALAH AMAT DIHARGAI. SAYA DIFAHAMKAN PETRONAS BAKAL MENDIRIKAN SEBUAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI, YANG AKAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENINGKATKAN KHIDMAT TEKNIKAL APLIKASI PLASTIK DI SINI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

20. SAYA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA PROJEK PEMBANGUNAN K.P.P. INI AKAN MEMBAWA PELBAGAI FAEDAH DAN MANFAAT KEPADA PEMBANGUNAN INDUSTRI PLASTIK NEGARA DAN NEGERI TERENGGANU KHUSUSNYA. DENGAN ADANYA PELUANG-PELUANG BARU YANG AKAN TERCETUS INI, SAYA PERCAYA PERTUMBUHAN EKONOMI DI E.C.E.R. AKAN DAPAT DIRANGSANGKAN, SEKALIGUS MENINGKATKAN PENDAPATAN DAN MUTU HIDUP RAKYAT DI PANTAI TIMUR.

21. DI SAMPING ITU, E.C.E.R. DENGAN SOKONGAN DARI KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI YANG TERLIBAT, AKAN SENANTIASA MEMBERI BANTUAN, KERJASAMA DAN SEMANGAT UNTUK MEMPERCEPAT DAN MEMASTIKAN KEJAYAAN PROJEK K.P.P. INI. SEBAGAI Pengerusi Majlis Pembangunan E.C.E.R., SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA E.C.E.R. KOMITED BAGI MEMASTIKAN KEMAJUAN K.P.P. AKAN BERTERUSAN DI MASA HADAPAN.

22. OLEH ITU, SAYA AMAT MENGHARAPKAN AGAR SELURUH RAKYAT PANTAI TIMUR DAPAT MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING, AGAR OBJEKTIF DAN SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN DI BAWAH E.C.E.R. TERCAPAI. KERAJAAN YAKIN, KESEJAHTERAAN YANG BAKAL TERHASIL DARIPADA PROJEK-PROJEK INDUSTRI SEPERTI K.P.P. INI BAKAL DIKONGSI BERSAMA, MEMBAWA NEGARA KE ARAH TAHAP EKONOMI YANG LEBIH MAMPAN, DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT, KHUSUSNYA DI PANTAI TIMUR.

23. SAYA MENDOAKAN SEMOGA USAHA INI AKAN DIBERKATI, DILIMPAHI DAN DILINDUNGI ALLAH S.W.T. JUA, DAN SEMOGA KITA MENDAPAT TAUFIK DAN HIDAYAH-NYA DALAM MELAKSANAKAN SEGALA YANG DIRANCANG INI DENGAN TEKUN DAN AMANAH. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.